

ISLAM HADHARI DALAM KONTEKS KETAMADUNAN, BUDAYA DAN AGAMA DI MALAYSIA

Oleh:

Khadijah Binti Mohd Hambali *

Abstract

Islam Hadhari or Civilisational Islam has been spelt out in the context of the Malay community's struggle for independence and development, with an emphasis on enhancing the quality of life. This would be achieved through the acquisition of knowledge, the development of the individual and the nation and the establishment of a dynamic economic, trading and financial system. Such a balanced development would produce an ummah or community of knowledgeable and pious people with noble values like honesty and trustworthiness, and who would be able to take on global challenges. It could well be a paradigm of how Malaysians Muslims should see Islam in the context of a multi-racial Malaysia facing a changing world. Considering the sensitivity of the non-Muslim community towards the increasing 'Islamisation' of Malaysia, this article tries to undertake an analysis the concept of Islam Hadhari as well as masyarakat Madani by emphasizing the vision for Malaysians Muslims to focus more on Islamic values as well as personal and economic development. Malaysians Muslims should use the glorious of Islamic civilization in all aspects to inspire them to achieve prosperity.

PENDAHULUAN

Dato' Seri Abdullah Badawi dalam ucapan perasmianya sempena pelancaran Program Islam Hadhari peringkat negeri Kelantan di Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan di hadapan kira-kira 15,000 orang telah menekankan pendidikan dan pemantapan Bahasa Arab dan Pengajian al-Qur'an sebagai aset utama meninggikan pemikiran generasi Muslim yang akan mampu

* Khadijah Binti Mohd Hambali, Ph.D, merupakan Prof. Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kini dipinjamkan ke Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar Fakulti dan TITAS, Universiti Malaya.

membentuk sebuah masyarakat Madani dan sekaligus mewujudkan suasana Islam Hadhari.¹

Ucapan tersebut merupakan ‘satu peringatan perdana’ yang secara tidak langsung telah menggariskan asas-asas pembentukan bangsa Malaysia yang berakar-umbikan budaya sendiri bukannya menciplak budaya asing.

Bertitik-tolak daripada itu, mesej yang ingin disampaikan dalam artikel ini adalah selaras dengan cita-cita pucuk pimpinan negara yang ingin membentuk bangsa Malaysia yang unggul, yang mampu berdaya saing dengan bangsa-bangsa lain dunia. Justeru, kita wajar menyegarkan semula penghayatan Islam untuk membina dinamika bangsa. Ini kerana Melayu yang tidak menghayati Islam tidak mungkin berjaya muncul sebagai teras bangsa Malaysia yang menjunjung nilai-nilai Islam Hadhari.

Ini bererti usaha mewujudkan Islam Hadhari di Malaysia ini memerlukan minda yang disuburkan dengan ilmu pengetahuan.² Ilmu adalah sumber yang dapat mengilhamkan pemikiran baru yang segar dan dinamik. Justeru, artikel ini turut juga menggilap nilai-nilai ilmu dalam tamadun Melayu-Islam untuk difungsikan sebagai penggerak Islam Hadhari. Kita hanya akan mampu mencipta kegemilangan dengan kembali kepada akar budaya sendiri.

Kemampuan Islam mencipta umat telah teruji dalam sejarah. Islamlah yang telah mentransformasi dan merevolusikan budayanya. Pembaharuan komitmen Melayu-Muslim kepada nilai-nilai Islam akan menghasilkan bangsa Malaysia-Madani³ dalam suasana persekitaran yang Islam Hadhari. Islam Hadhari dan

¹ “Fahami Isi al-Qur'an Elak Pemikiran Diseleweng” dalam *Utusan Malaysia*, 24 Februari 2004, h. 1

² Kupasan mengenai peringkat dan peranan ilmu pengetahuan yang mampu menjana pemikiran ini boleh dirujuk dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, cet. 1, Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), h. 42-64; Konsep Islam Hadhari ini telah turut dibahaskan dalam beberapa siri seminar yang diadakan di Institusi Pengajian Tinggi dan badan-badan kerajaan. Antaranya seperti Seminar Islam Hadhari Peringkat Antarabangsa yang diadakan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24-25 November 2004. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan dalam usaha membahaskan konsep Islam Hadhari. Namun, konsep Islam Hadhari masih lagi terus diperbincangkan bagi tujuan pengukuhan dan pemantapan konsep. Artikel ini ditulis bertujuan untuk penerokaan konsep Islam Hadhari dan masyarakat Madani.

³ Kupasan lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada Osman Bakar (1996), “Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5, h. 1-10.

Islam Hadhari Dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama Di Malaysia

Masyarakat Madani adalah ungkapan yang saling berkaitan dan berhubungan. Tidak dapat dipisahkan kerana pewujudan masyarakat madani yang dinamik adalah hasil kedinamikan Islam Hadhari.

Untuk memahami Islam Hadhari dan Masyarakat Madani ini, artikel ini akan mengupasnya dari aspek konsep dan nilai-nilai ilmu dalam tamadun Melayu-Islam dalam konteks keanekaan ketamadunan, budaya dan agama di Malaysia.

KONSEP ISLAM HADHARI

Umumnya umat Melayu belum tercabut dari akar keislamannya. Malah di sepanjang sejarah perjuangan Melayu, Islam sentiasa menjadi sumber dinamika dan daya saingnya. Realitinya, Islam telah menyatu dalam sejarah, budaya dan watak Melayu. Bahkan Islam adalah teras keperibadian Melayu. Hal ini terserlah dalam definisi Melayu menurut Perlembagaan Negara iaitu ‘seseorang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat-resam Melayu’. Ternyata bahawa bahasa Melayu adalah bahasa Islam (dibina dan diperkaya dengan perbendaharaan kata Islam, lalu menjadi bahasa yang mengekspresikan *world-view* Islam), sementara adat Melayu pula pada asasnya telah juga mengalami transformasi keislaman. Nyatalah bahawa tanpa Islam, Melayu kehilangan segala-gala termasuk keperibadiannya.⁴

Sehubungan dengan itu, Islam Hadhari yang diungkapkan oleh Dato’ Seri Abdullah Badawi sewajarnya meliputi segala ‘ramuan’ yang diperlukan untuk muncul sebagai umat yang maju dan dinamik untuk menghadapi persaingan dalam masyarakat perindustrian baru yang maju dan moden.

Untuk mencapai hasrat pewujudan Islam Hadhari ini, kita wajar menoleh kepada sejarah untuk menentukan asas pembinaan ‘tamadun baru’ ini. Sejarah telah mengajar kita bahawa memutuskan diri dari akar budaya sendiri dan menerima budaya asing secara total tidak dapat menjadikan sesuatu bangsa itu kuat dan maju. Turki moden adalah contoh klasik kegagalan suatu bangsa untuk maju, kuat dan makmur apabila memutuskan dirinya dari agama dan akar budaya tradisinya lalu memilih jalan sekularisasi dan pembaratan. Sebaliknya Jepun telah berjaya muncul sebagai raksasa industri tanpa mencabut dirinya dari akar budaya

⁴ Siddiq Fadil (1998), *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), h. vi; Kupasan lanjut boleh dirujuk dalam Hashim Hj. Musa (2004), *Pemerkaaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban, h. 59-109 dan 188-190.

tradisi. Memang dalam batas-batas tertentu, Jepun menerima pengaruh Barat tetapi ia memperoleh kekuatan asasnya dan warisan budaya tradisinya iaitu ajaran *Zen-Buddhisme*. Begitu juga Taiwan yang mengasaskan kekuatannya pada ajaran Konfusianisme.⁵

Sehubungan dengan itu, Islam Hadhari sewajarnya diertikan sebagai Melayu yang dikembalikan kepada akar budaya tradisinya.⁶ Dengan ungkapan lain, Islam Hadhari (Melayu Baru) adalah Melayu yang diperbaharui komitmen kelislamannya dan ketamadunannya (bersesuaian dengan takrif Hadari itu memberi erti ‘tamadun’). Realitinya, Islam Hadhari telah muncul buat kali pertamanya dalam sejarah setelah umat ini menjalani proses pengIslamahan (yang memusat di rantau ini pada abad-abad 13-16M), suatu proses transformasi manusawi yang memberikan jiwa dan citra baru kepada umat Melayu, suatu revolusi budaya yang memberikan mereka seperangkat nilai-nilai dinamik yang terpancar dari ajaran *Shari‘ah Islamiyyah* dan sebuah revolusi intelektual yang mengakhiri zaman budaya tahuyl dan memulakan tamadun ilmu di rantau ini. Melayu-Hadhari yang dijelmakan menerusi Islamisasi itu adalah Melayu berjiwa merdeka yang sujud, ruku’ dan setia mutlaknya hanya kepada Allah, Melayu yang telah mendapatkan semula kemuliaan status dan martabat keinsanannya, Melayu yang bangga menjadi *khayra ummah* kerana imannya, Melayu yang tahu erti hidup dan mati sebagai persaingan prestasi amal cemerlang (*ayyukum ahsana ‘amalā*). Melayu pejuang yang dengan semangat *jihādnya* sanggup menghadapi segala cabaran dan dengan segala semangat *mujāhadahnya* pula ia memperoleh kekuatan rohaniah untuk menghayati kemakrufan dan menghindarkan kemungkarann.⁷

⁵ *Ibid*, h. 3-4.

⁶ Konsep Islam Hadhari ini ada hubung kaitnya dengan konsep Melayu Baru yang pernah diungkapkan dan disarankan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO melahirkan sebuah bangsa Melayu dan Bumiputera yang baru, yang canggih untuk mengambil tempat yang sewajarnya di dalam dunia serba moden ini. Justeru, adalah wajar untuk selaras dan seterusnya diserasikan konsep asas Melayu Baru dan Islam Hadhari kerana Melayu tidak akan sama sekali menanggalkan kelislamannya. Menanggalkan Islam bererti menghilangkan Melayu. Realitinya hubungan Melayu dan Islam telah begitu sebat. Bahkan sebenarnya Islamlah yang menerasi keperibadian Melayu, mendasari *worldview* Melayu dan seterusnya membentuk etos dan citara Melayu. Menyedari hakikat ini, penulis meletakkan Melayu Baru dan Islam Hadhari adalah saling berkaitan dan berhubungan dan sekaligus mampu mewujudkan Melayu Hadari berdasarkan Islam Hadhari dan membentuk masyarakat madani.

⁷ Siddiq Fadil, *ibid*, h. 4.

Ini merupakan watak dinamik Islam Hadhari dan sekaligus Melayu Baru (Melayu-Hadhari) yang telah menjalani transformasi keislaman. Namun, keutuhan watak Melayu-Muslim tersebut seringkali terdedah kepada hakisan keanekaan pengaruh budaya dan perkembangan sejarah. Oleh itu, dari waktu ke waktu wajar wujud usaha menggilap semula ciri-ciri keperibadian yang mulai luntur. Lalu lahirlah ungkapan baru bersesuaian dengan perubahan zaman bagi mewujudkan Melayu-Muslim yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Bukannya Melayu-Muslim yang banyak temberang dan tembelang. Atas asas ini jugalah lahirlah istilah Islam Hadhari dan masyarakat Madani bagi mendukung cita-cita murni mempastikan kemampunan bangsa Malaysia yang memiliki nilai-nilai dinamik yang terpancar dari ajaran Islam yang pastinya adalah bersesuaian dengan segala ketamadunan, budaya dan agama yang beraneka dan sekaligus mampu mewujudkan bangsa Malaysia-Hadhari (masyarakat madani).

Memang tidak dinafikan bahawa dalam sejarah umat Islam, sentiasa berlaku gerakan-gerakan pembaharuan (*tajdīd*) dari abad ke abad. Proses pembaharuan yang tidak terhenti ini merupakan suatu kepastian yang telah dimaklumkan oleh Nabi s.a.w (maksud al-ḥadīth) bahawa “pada setiap permulaan seratus tahun (100 tahun) Tuhan pasti mengutus seorang *mujaddid* yang akan mengembalikan umat ini kepada kemurniaan agamanya”. Selagi umat Melayu menjadi sebahagian umat Islam sejagat, pasti terlibat dalam proses sejarah ini.⁸

Oleh itu, sewajarnya segala bentuk gerakan atau tindakan ke arah pewujudan Islam Hadhari dan masyarakat madani seharusnya disemangati oleh nilai-nilai dan idealisme *al-tajdīd al-Islāmi*. Sehubungan itu, gerakan-gerakan Islam (di Malaysia khususnya) yang mendakwa bercirikan *tajdīd* seharusnya menyumbang ke arah pembangunan pembaharuan umat dan budaya Melayu-Hadhari dalam erti pengembalian kepada dinamika keaslian dan kemuliaan nilai-nilai Islam.

Bertitik-tolak daripada *taṣawwur* awal Islam Hadhari ini, artikel ini cuba untuk memaparkan aspek-aspek utama yang sewajarnya ditelusuri dengan lebih tulus, mulus dan kudus bagi mencapai hasrat pewujudan Islam Hadhari dalam keanekaan ketamadunan, budaya dan agama di Malaysia ini.

KUALITI *TAWHĪD* DAN JIWA MERDEKA

Bangsa yang berkualiti merupakan bangsa yang membawa makna, positif dan mampu bertahan merentasi taufan sejarah. Bangsa ini merupakan bangsa yang

⁸ *Ibid*, h. 5; Ibn Khaldun (1995), *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka h. 39.

berjiwa merdeka, sensitif dengan maruah dan martabat bangsanya. Bangsa ini merupakan bangsa yang bebas daripada jiwa perhambaan, penghinaan tetapi sebaliknya kaya dengan cita-cita dan daya usaha.

Bertitik-tolak daripada itu, umat Islam yang telah menjalani indoktrinasi *tawhīd* sewajarnya telah bebas dari jiwa perhambaan. Ini kerana pengesaan Tuhan membawa maksud secara sedar seseorang individu itu telah menolak sebarang pengabdian selain daripada Allah SWT. Dinamika *tawhīd* telah membuktikan penghakisan jiwa hamba yang membelenggu sahabat Nabi s.a.aw iaitu Bilāl ibn Rabāḥ, lalu tampil mendadak sebagai insan baru berjiwa merdeka dan sanggup menghadapi tribulasi dan mempertahankan keyakinannya iaitu *tawhīd* yang telah mengangkat martabat keinsanannya.⁹

Pembebasan atau Jiwa Merdeka inilah yang telah menjadi teras risalah dan manifesto Islam kepada dunia. Selaras dengan itu, dalam sejarah umat Melayu, Islam turut menamatkan tradisi jiwa hamba dalam sistem feudalisme Melayu-Hindu. Islam telah mengangkat martabat ‘orang-orang bawah’ dan membebaskan mereka dari diskriminasi budaya kasta.

Selain daripada itu, dinamika *tawhīd* telah membentuk semula *worldview* dan sistem nilai Melayu berdasarkan ajaran Islam yang telah memusnahkan mitos raja sebagai jelmaan dewa iaitu warisan Hindu yang mewajibkan perhambaan diri kepada sang dewa dan meletakkan perubahan ke’raja’an kepada kesultanan yang memberi maksud pemegang amanah keadilan Ilahi, tempat berlindung rakyat yang teraniaya, ketaatan dan kesetiaan kepada ketua bersyaratkan keadilan.¹⁰ Nilai keadilan inilah juga merupakan nilai yang menerasi tradisi politik Melayu-Islam-Melayu-Hadhari.

Islam membuktikan berjaya merombak pola hubungan raja-dewa dan hamba menjadi hubungan di antara pemerintah yang terikat dengan nilai pemeliharaan dan keadilan dan rakyat yang terikat dengan nilai kesetiaan. Ini memberi erti bahawa pemerintahan adalah berorientasikan tugas dan tanggungjawab, bukannya kemewahan dan amalan berfoya-foyaan. Manakala rakyat dilayan sebagai individu yang mempunyai hak dan harga diri yang wajar dihormati.

⁹ Sila rujuk Muhammad al-Faqi (1979), *Qisāṣ al-Anbiyā’ Aḥḍathuhā wa ‘Ibāruhā*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 112; Muhammad Isma’il Ibrahim (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā’ wa al-Rusul*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, h. 40.

¹⁰ Ibn Khaldun (1995), *op.cit*, h. 54-55; Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila rujuk Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100-109.

Bertitik-tolak daripada ini juga, umat Melayu telah memanifestasikan jiwa merdekaanya dalam kebangkitan penentangan penjajahan seawal abad ke 16 menentang penjajahan Portugis. Pun begitu, penjajahan yang berabad turut meninggalkan kesan penjajahan hamba di kalangan segelintir umat Melayu terpelajar yang masih lagi keterlaluan mengkagumi Barat sehingga sanggup menjalani gaya hidup keInggerisan. Justeru, pewujudan Islam Hadhari dan Melayu-Hadhari ini wajar ditekankan penerasan kepada akar budaya sendiri dan bukannya budaya asing yang diciplak. Ini kerana tanpa jiwa merdeka, sesuatu bangsa itu tidak akan mampu mencipta kegemilangan dalam sejarahnya. Impian untuk menjadi sebuah negara serba maju dalam segala serba-serbi akan hanya tinggal impian seandainya tidak dimulakan dengan usaha pembinaan kualiti bangsa, termasuk kualiti jiwa merdeka.

Oleh itu, setiap dari kita wajar bersedia untuk membongkar dan melemparkan segala unsur jiwa hamba yang masih tersisa. Untuk memungkinkan pertumbuhan jiwa merdeka wajar diwujudkan iklim dan budaya yang bercirikan kebebasan, persamaan dan keadilan. Iklim dan budaya seumpama ini turut merupakan nilai-nilai sejagat yang wujud dalam setiap ketamadunan bangsa dan agama dunia. Unsur-unsur yang bersifat budaya *feudalistic* wajar ditinggalkan termasuklah pendewaan terhadap seseorang tokoh dan amalan sambutan pemimpin dengan upacara yang keterlaluan dan berlebihan dalam suasana yang menonjolkan perbezaan status ke feudalannya.¹¹

Ini bererti, kualiti dan dinamika *tawhid* menyerlahkan jiwa merdeka dan berkualiti dalam mewujudkan manusiawi yang mampan dan adil serta mampu berkongsi bersama bangsa lain bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang maju berteraskan nilai-nilai universal dan kesejagatan ketamadunan dan budaya.

SEJARAH DAN ORIENTASI MASA HADAPAN

Zaman manusia merasa tidak terdaya menelah masa depan telah berlalu. Kini terdapat penulisan dan kajian yang bersifat *futuristic* dan antisipatif. Kini juga wujud suatu kesedaran bahawa kemungkinan di masa depan bukan sahaja dapat diduga, malah mampu dirancang dengan baik. Orientasi sedemikian merupakan ciri bangsa berdaya maju yang sentiasa ingin mencipta keunggulan di masa hadapannya.

Dalam hubungan ini, Islam memiliki semangat *al-fikr' al-mustaqbali* atau pemikiran berorientasikan masa hadapan. Pun begitu, tidak dinafikan bahawa

¹¹ Siddiq Fadil (1998), *op.cit.* h. 12-13.

menoleh kepada sejarah silam adalah amat wajar.¹² Ini kerana peristiwa-peristiwa silam mampu dijadikan sebagai sempadan dan teladan dalam membina dan merancang masa depan. Hal ini turut ditekankan dalam tamadun Islam yang menggalakkan melihat, meneliti dan mengkaji masa silam khususnya dalam tiga abad pertama Hijrah iaitu zaman ketika Islam dihayati dengan jayanya oleh umat Islam ketika itu. Keunggulan ketamadunan Islam pada zaman kemuncak tersebut wajar dijadikan pedoman dan iktibar oleh setiap individu Muslim.

Walau bagaimanapun, penghargaan terhadap masa silam itu tidak sedikit pun mengurangi kecenderungan yang kukuh untuk melihat masa hadapan. Bahkan realitinya, pengertian masa hadapan dalam ketamadunan Islam itu adalah lebih luas dan menjangkaui batasan definisi yang ditekankan oleh golongan sekularis. Masa hadapan bagi umat Islam tidak terhad di dunia sahaja bahkan menjangkaui hingga ke alam ukhrawi. Islam mementingkan masa hadapan ukhrawi namun tidak juga meremehkan masa hadapan duniaawi. Hal berhubung *futuristic* ini sering diungkapkan oleh al-Qur'an, bahkan amat diutamakan.¹³ Antara contohnya dalam *sûrah al-Qamar* ayat 45 yang memberi penegasan tentang nasib yang bakal menimpa golongan Musyrik Quraysh yang amat kuat (golongan itu pasti akan dikalahkan dan mereka akan undur ke belakang.....). Pemberitahuan tentang peristiwa yang bakal terjadi ini bertujuan untuk mempersiapkan mental dan fizikal umat Islam bagi menghadapi perubahan-perubahan yang akan berlaku.¹⁴

Selain daripada itu, al-Qur'an turut memaparkan kepentingan menelaah masa hadapan dan sekaligus melakukan perancangan strategi bagi menghadapi kemungkinan hambatan bagi mencapai objektif masa hadapan. Hal ini dicernakan melalui kisah nabi Yusuf 'a.s yang telah meramalkan kedudukan ekonomi negara dan seterusnya menyarankan perancangan ekonomi yang mampan bagi tempoh empat belas tahun mendatang. Ini membawa maksud bahawa perubahan-perubahan yang akan berlaku di masa hadapan wajar diambil kira dan dihadapi

¹² Untuk mengetahui kepentingan sejarah dan orientasi masa hadapan, sila rujuk Ibn Khaldun (1995), *op.cit*, h. xx-lxx.

¹³ Kupasan lanjut dijelaskan dalam Afzalur Rahman (1981), *Quranic Science*, London: The Muslim School Trust London, h. 101-112.

¹⁴ Siddiq Fadil (1998), *op.cit*, h. 16. Sila rujuk juga *surah al-Rum*, ayat 1-5 yang memaklumkan tentang kemenangan Rome ke atas Parsi yang bakal merubah kedudukan umat Islam waktu itu. Keadaan ini memperlihatkan walaupun umat Islam waktu itu masih lemah, namun amat peka terhadap perkembangan semasa dan memahami kesan positif dan negatif terhadap masa hadapan mereka untuk membina strategi seterusnya.

Islam Hadhari Dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama Di Malaysia

dengan persediaan seperlunya bagi mempastikan objektif masa hadapan berjaya dicapai dengan jayanya.

Usaha untuk memahami dan meramalkan perkembangan yang akan berlaku di masa hadapan ini bukanlah penerokaan ke alam ghaib yang hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahuinya. Tetapi apa yang ditekankan oleh Islam adalah pentingnya umat Islam memiliki wawasan dan visi yang meliputi suatu bentuk penjelajahan mental, bertitiktolak dari yang diketahui kepada yang tidak diketahui, mencipta masa hadapan berdasarkan fakta, harapan, impian, bahaya dan peluang yang wujud masa kini.¹⁵ Segala bentuk fakta yang wujud hari ini dapat dilihat dan dianalisis sebagai indikasi yang memperlihatkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

Justeru, menyedari bahawa perancangan hari ini berkemungkinan mampu mempengaruhi perkembangan di masa hadapan, sewajarnya umat Islam meningkatkan usaha-usaha menganalisis fakta dan maklumat, melakukan perancangan yang mampan dalam merangka pembinaan masa hadapan yang jitu bagi umat Islam dan dunia. Ini kerana tanpa perancangan yang strategik, sistematik dan operasional khususnya dalam menghadapi persaingan antara agama di masa hadapan, pewujudan Islam Hadhari dan Melayu-Islam Hadhari tidak akan menjadi kenyataan.

BUDAYA ILMU DAN KEINTELEKTUALAN

Istilah budaya tidak terbatas kepada maksud seni dan hiburan semata-mata. Realitinya, budaya merupakan suatu isu yang serius dengan cakupan bidang yang amat luas meliputi soal falsafah, pemikiran, ilmu, kesenian, artifak dan aspek-aspek cara hidup lainnya. Namun pengertiannya yang semakin sempit dan dangkal telah meletakkannya hanya sebagai satu istilah yang mengungkapkan soal kesenian dan hiburan.

Budaya memahamkan kita mengenai dasar-dasar kehidupan dan masa hadapan bangsa. Islam memainkan peranan dalam pembinaan budaya Melayu kerana pada prinsipnya kebudayaan Melayu adalah prinsip kebudayaan Islam yang menjadikan Allah sebagai rujukan dan hikmah untuk manusia. Islam turut mendasari pembinaan *worldview* Melayu, etos Melayu, estetika Melayu, bahasa Melayu dan segala cabang budaya Melayu lainnya yang sekaligus meninggikan citra budaya dan keperibadian bangsa.

¹⁵ *Ibid*, h. 18.

Oleh itu, dalam usaha mencipta kecemerlangan budaya sewajarnya setiap individu mengenali potensi diri, menemukan nilai-nilai dasar yang menerasi watak dan budayanya yang pastinya mengakar kepada budaya Melayu-Islam. Justeru antara nilai-nilai tradisinya yang utama adalah nilai ilmu dan intelek. Masyarakat Melayu-Muslim telah menampilkan diri sebagai masyarakat yang membudayakan ilmu dan seni dalam konteks *intellectual substance* iaitu seni yang berintikan keintelektualan seperti puisi tasawuf, seni khat dan senibina masjid.¹⁶

Sejarah menilaikan kepada kita bahawa dalam proses pengIslamahan di rantau ini, realitinya merupakan suatu proses pembudayaan dan pemasyarakatan ilmu menerusi gerakan pembelajaran al-Qur'an dan ilmu-ilmu teras keagamaan lain seperti ilmu Kalam, Fiqh dan Tasawuf (turut meliputi perbincangan falsafah dan metafizik). Masyarakat Melayu memahami erti pendemokrasian ilmu dan pendidikan. Sekaligus budaya ilmu dan tradisi pengajian telah meluas dan merakyat dan memecahkan monopoli pujangga istana sebagai elit 'ilmuwan'. Demokrasi ilmu ini turut menciptakan tamadun keilmuan yang berjaya mewariskan khazanah intelektualisme Melayu dalam bentuk *jawi literatures* atau sastera kitab peninggalan para ilmuwan Dunia Melayu seperti al-Fansuri, al-Raniri, al-Sumatrani, al-Jauhari, al-Falambani, al-Banjari, al-Bantani, al-Fatani dan lain-lain.¹⁷

Umat Melayu-Muslim masih lagi kaya dengan nilai-nilai tradisi yang dapat memberi landasan normatif dan membangkitkan motivasi ke arah kemajuan dan kecemerlangan. Apa yang utama adalah usaha ke arah sentiasa memberikan 'penyegaran nilai ilmu' dan mempastikan 'pengarahan yang sentiasa diperbaharui' bersesuaian dengan keperluan zaman yang mendatang¹⁸ sama ada zaman langit terbuka, zaman cyber, zaman ICT, zaman 'gelombang biru' dan sebagainya. Walau apapun jua nama zaman yang mendatang, apa yang pasti survival umat manusia akan banyak ditentukan oleh kekuatan ilmunya.

Sehubungan dengan itu, kepimpinan Melayu sewajarnya mempunyai wawasan kebudayaan yang selaras dengan cita-cita tersebut dan mampu menterjemahkannya dalam bentuk perancangan budaya yang terarah.

Bertitik-tolak dari itu juga, adalah penting pewujudan keunggulan dan kecemerlangan ilmu antara lain melalui pertambahan nilai penyelidikan dan peruntukan kewangan yang besar untuk projek-projek penyelidikan yang diwarnai peranannya oleh pihak universiti yang tidak lagi hanya menumpu kepada

¹⁶ Afzalur Rahman (1981), *op.cit*, h. 222.

¹⁷ Siddiq Fadil (1998), *op.cit*, h. 53.

¹⁸ *Ibid*, h. 54.

pengajaran semata-mata, tetapi telah mengorak langkah yang lebih luas menjurus kepada bidang penyelidikan. Ini kerana bidang penyelidikan merupakan antara ciri utama masyarakat maju dan dinamik.

Justeru, umat Melayu-Muslim akan mencapai survivalnya seandainya nilai ilmu yang sedia wujud dalam budaya tradisinya dapat disemarakkan dengan jayanya biarpun dalam keributan budaya popular kekotaan (*urban popular culture*).¹⁹

Untuk mempastikannya tercapai, penggembelingan tenaga setiap individu wajar dilaksanakan. Antaranya yang penting adalah penglibatan parti-parti politik yang sewajarnya tidak lagi hanya bermodalkan semangat, sentimen, emosi atau wang semata-mata. Ini kerana, politik tanpa kekuatan keintelektualan tidak akan mampu membawa perubahan positif kepada umat. Sebaliknya akan hanya membazirkan kekuatan dan potensi umat dalam sengketa terus menerus. Sudah tiba masanya setiap ahli politik menyerahkan tanggungjawab untuk mendidik umat dengan idealisme perjuangan yang murni, menekankan moral politik yang luhur, mulus, kudus dan telus, mempertingkatkan program pembangunan yang komprehensif dan sekaligus meninggalkan budaya politik caci-memaki dan sumpah seranah yang bertentangan dengan kemuliaan nilai ilmu.²⁰

Selain daripada itu, pihak badan-badan dakwah turut perlu berperanan mendidik umat mencintai dan menguasai ilmu. Gerakan dakwah yang tidak memiliki kekuatan intelektual dan tidak mempunyai program keilmuan tidak akan mampu menterjemahkan keunggulan Islam dalam realiti kehidupan umat. Apa yang mampu dilakukannya hanya mengulangi kembali manifesto perjuangan Islam dalam budaya retorika slogan sahaja.²¹

Manakala badan-badan kebudayaan dan para budayawan sewajarnya memahami konsep kebudayaan dalam pengertiannya yang menepati, meliputi aspek-aspek teras seperti nilai-nilai murni pemikiran, ilmu dan sebagainya. Ia tidak hanya terbatas kepada aspek seni tarian dan nyanyian semata.

Selanjutnya, para ilmuwan wajar berani tampil kehadapan untuk menunaikan amanah keilmuan dan bertanggungjawab terhadap apa jua yang menimpa umat. Ini kerana para ilmuwan akan terus dipersalahkan seandainya nasib umat tidak berubah. Namun, wujudnya usaha-usaha membunuh kredebiliti dan kewibawaan

¹⁹ *Ibid*, h. 55.

²⁰ *Ibid*, h. 56.

²¹ *Ibid*.

para ilmuwan tradisi dan kehilangan peranan kepimpinan dan keteladanan golongan intelegensia telah mengakibatkan kemerosotan kepercayaan umat terhadap mereka. Para ilmuwan tradisi telah dimomok-momokkan sebagai golongan jumud, kolot, anti kemajuan dan pembangunan dan mementingkan diri. Manakala golongan intelegensia yang mempunyai status sosial yang tinggi tetapi telah musnah kewibawaan keilmuannya kerana tidak mengakar ke bawah (rakyat desa) tetapi sebaliknya berpaut ke atas (golongan elit feudal Melayu dan Barat). Golongan ini terpisah jauh daripada umat desa yang setia kepada budaya Melayu-Muslim tetapi golongan ini yang dikatakan berpendidikan Barat juga kurang menguasai ilmu-ilmu Barat secara jitu sebaliknya menghayati aspek kehidupan kebendaan tamadun Barat.²²

Justeru, kedua-dua golongan ilmuwan ini sedang rancak berusaha untuk memulihkan pengaruh dan wibawa mereka di tengah-tengah saingan hebat kelompok kumpulan lain seperti ahli politik, usahawan, seniman dan ahli-ahli sukan yang kian mendapat pengaruh dan perhatian masyarakat.

Pun begitu, usaha-usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya seandainya umat terus meminggirkan mereka seperti ‘hadirnya tidak dirai dan perginya tidak dipeduli’. Sementelah pula tidak wujudnya integrasi antara kepimpinan dan keilmuan. Apatah lagi dimangkinkan dengan gejala wang yang membudaya politik dan menyepikan kekuatan ilmu. Ini bererti slogan ‘Ilmu Memimpin’ hanya akan sekadar penglipur lara masyarakat menara gading kerana realitinya ‘wanglah yang memimpin’.

Oleh itu, perjuangan membangun masyarakat maju sewajarnya memperkirakan gerakan mengangkat semula wibawa para ilmuwan. Sehubungan itu juga, di kalangan para ilmuwan seharusnya wujud kesedaran terhadap amanah keilmuan dan komitmen untuk terus menghayati peranan suci golongan ilmuwan sebagai golongan kepercayaan Allah. Justeru, golongan ilmuwan wajar mendatangi dan mendampingi umat sesuai dengan konteks keilmuan Islam. Ini akan meletakkan golongan ilmuwan memiliki khalayak dan umat di peringkat akar umbi,²³ sekaligus menerima anugerah Allah sebagai golongan yang berstatus mulia di dunia dan akhirat²⁴ kerana komitmen dan penunaian amanah serta tanggungjawab mewujudkan satu ummah yang berteraskan nilai-nilai universal keanekaan ketamadunan, budaya dan agama bersesuaian dengan suasana Islam Hadhari dan masyarakat madani.

²² *Ibid*, h. 58.

²³ *Ibid*, h. 60.

²⁴ Sila rujuk *sūrah al-Mujādalah*: ayat 11.

JATI DIRI BANGSA DAN PERPADUAN

Pembentukan jati diri bangsa Melayu-Hadhari seharusnya mendasari *sunnatu 'Llah*, undang-undang Ilahi yang menetapkan bahawa perubahan nasib sesuatu bangsa harus bermula dari usaha bangsa itu sendiri mengoreksi diri, merubah mentaliti dan membina kualiti serta berjiwa merdeka menepati ciri sebenar masyarakat madani yang Islam Hadhari, bangsa-Hadhari.

Pembinaan jati diri bangsa dan perpaduan umat sewajarnya berasaskan prinsip dan nilai agama yang merupakan amanah perjuangan bangsa Melayu-Muslim dahulu dan kewajaran itu seharusnya diteruskan oleh generasi kini.²⁵

Untuk mencapai hasrat murni itu, setiap individu perlu memiliki sifat patriotisme dan nasionalisme. Patriotisme dalam erti cinta dan rasa tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara dan berkhidmat untuknya merupakan satu tanggungjawab dan kewajipan menurut undang-undang Islam yang diberikan ganjaran dunia dan akhirat. Pastinya istilah ini berbeza dengan pengertian yang difahami oleh pihak Barat.

Sehubungan dengan itu, mungkin ramai yang terkeliru dengan istilah nasionalisme yang sering digambarkan sebagai sekular sepertimana jelmaannya di Barat dan sememangnya sukar didamaikan dengan Islam. Ini kerana nasionalisme di Barat merupakan satu bentuk ideologi yang telah terpisah dari agama, lalu meletakkan negara-bangsa sebagai puncak kesetiaan; ia turut diertikan sebagai nasionalisme yang berintikan rasa *superiority* iaitu rasa lebih unggul dari bangsa-bangsa lain. Definisi istilah yang sedemikian tidak dapat diterima Islam.

Sungguhpun begitu, realitinya bahawa istilah ini seringkali berubah pengertiannya menurut zaman dan tempat. Ini ditonjolkan melalui pengertian nasionalisme yang menjelma di Dunia Ketiga tidak sama ertiinya dengan jelmaan nasionalisme di Barat. Begitu juga nasionalisme pra-merdeka tidak sama definisinya semasa pasca-merdeka. Oleh kerana itu sewajarnya kita berfikiran positif dalam menerima istilah nasionalisme dengan melihat kepada isi dan pengertiannya bukan kepada istilah itu semata-mata.

²⁵ Sila rujuk kepada perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmi sebagai contoh yang telah menyerapkan aspirasi Islam dalam perjuangan Melayu ketika beliau mengungkapkan faham kebangsaan Melayunya. Beliau merupakan pemikir politik Melayu yang berjaya mengintegrasikan perjuangan Melayu dengan Islam. Bagi Dr. Burhanuddin al-Helmi memperjuangkan kebangsaan Melayu bererti memperjuangkan kedaulatan Islam; kerana dalam konteks Tanah Melayu, kekuatan Melayu (yang komited dengan Islam) akan membawa kepada kekuatan Islam.

Oleh kerana itu, adalah lebih baik kita menyorot pengertian yang diungkapkan oleh Imam Hassan al-Banna yang menerima patriotisme dan nasionalisme dengan pengertian yang telah diselaraskan dengan nilai-nilai Islam.

Imam Hassan al-Banna telah menerima patriotisme dan istilah-istilah lain yang berkaitan seperti *waṭāniyyah al-ḥanīn* (cintakan Negara), *waṭāniyyah al-ḥurriyyah wa al-‘izzah* (menjunjung nilai-nilai kemerdekaan dan kehormatan), *waṭāniyyah al-mujtama* (semangat setiaawan serantau) dan *waṭāniyyah al-faṭḥ* (semangat juang untuk mengembangkan Islam). Pun begitu, beliau menolak konsep *waṭāniyyah al-hizbiyyah* iaitu dasar memecahbelahkan umat kepada kelompok-kelompok yang saling bermusuhan.²⁶

Manakala merujuk kepada istilah nasionalisme dan istilah-istilah yang sinonim dengannya, Hassan al-Banna mengungkapkan bahawa; *qawmiyyah al-majd* iaitu sikap menghargai dan meneladani prestasi cemerlang generasi silam, dan *qawmiyyah al-ummah* iaitu sikap mengutamakan bakti kepada keluarga dan umat. Beliau menolak *qawmiyyah al-jāhiliyyah* iaitu nasionalisme yang berusaha menghidupkan semula budaya jahiliyyah yang melepaskan diri dari ikatan Islam, juga *qawmiyyah al-‘udwān* iaitu nasionalisme yang berintikan kesombongan diri sehingga membawa kepada pencabulan hak bangsa-bangsa lain.²⁷

Ini bererti wajah patriotisme dan nasionalisme dalam budaya keilmuan merupakan pembentukan ke arah jati diri bangsa yang menepati tuntutan pengabdian kepada Ilahi dan kebaktian kepada pertiwi yang sentiasa berkait dengan agama dan tidak dapat dipisahkan sama sekali. Ini kerana patriotisme dan nasionalisme ini sewajarnya mengangkat prinsip ‘Ketuhanan yang Maha Esa’ sebagai rukun pertamanya, berjiwa kemanusiaan dan persaudaraan sejagat²⁸ bersesuaian dengan unjuran *sūrah al-Hujurāt* ayat 13 yang menampilkan penciptaan beraneka etnik, bangsa dan agama adalah untuk setiap individu itu mengenali satu sama lain dan seterusnya menjalinkan ikatan persaudaraan yang pastinya merentasi kepelbagaiannya budaya, bahasa, tamadun dan jati diri yang lain.²⁹

²⁶ Sila rujuk Imam Hassan al-Banna (1997), *Majmuat Rasail al-Imam al-Shaheed, Hassan al-Banna*, Kareem Darwish (ed.) Herdon: IIIT, h. 33-35.

²⁷ *Ibid*

²⁸ Abd Majid al-Najjar (1996), *Cara Hidup Beragama Pengertian dan Penerapannya*, Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought (IIIT), Malaysia, h. 42-50; Siddiq Fadil, *op.cit*, h. 96.

²⁹ Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Budaya Kenal Mengenali Ke Arah Pembinaan Ummah”, dalam Mohd Fauzi Hamat et.al., (eds), (2004), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, h. 259-272.

Dengan ini juga, hasrat untuk mewujudkan Islam Hadhari dan masyarakat madani akan lebih mudah dibentuk kerana wujudnya rasa cinta kepada agama, bangsa dan negara yang ditonjolkan melalui istilah patriotisme dan nasionalisme yang pastinya telah disesuaikan dengan nilai-nilai Islam.

Secara tidak langsung, semangat sedemikian menjadi titik tolak kepada pencetusan sikap yang lebih bertanggungjawab kepada permasalahan yang tidak hanya menimpa agama, bangsa dan negara sendiri bahkan menjangkau kepada negara-negara lain yang seagama dan tidak seagama seperti tragedi yang menimpa umat di Bosnia, India, Kashmir, Russia dan seumpamanya.

Sehubungan dengan itu juga, adalah wajar satu gerakan penyegaran semangat *pan-Islamisme* digilap bagi mewujudkan iklim baru yang lebih kondusif ke arah semangat setia kawan yang lebih kental dan mampu di kalangan umat Islam sejagat khususnya.³⁰

BUDAYA KERJA CEMERLANG DAN MASYARAKAT - HADHARI

Untuk memastikan hasrat Islam Hadhari ini lebih berjaya diwujudkan, aspek budaya kerja cemerlang atau etos kerja tidak boleh dipinggirkan sama sekali. Sementelah pula, era kini mulai dianggap sebagai era peperangan ekonomi yang mendasari dunia dagang hari ini.

Kejayaan negara Jepun dikaitkan dengan faktor Zen-Buddhisme, Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hong Kong yang turut berjaya dalam perindustrian dunia turut dilatari oleh semangat Konfusianisme. Walau apapun bentuk teori dan formula yang meletakkan kejayaan negara-negara tersebut, apa yang pasti adalah wujudnya kesepakatan tentang peranan dinamika keagamaan sebagai faktor pemecut kemajuan ekonomi.

Realitinya agama dapat memberikan etos kerja yang berupa motivasi dan nilai kudus kepada kegiatan ekonomi. Etos itu sendiri memberi pengertian sebagai seperangkat nilai, semangat, kepercayaan dan idealisme yang membentuk budaya dan watak sesuatu bangsa.³¹ Dalam hubungan ini umat Melayu-Muslim yang bercita-cita untuk menjadi masyarakat perindustrian yang serba maju harus dapat

³⁰ Untuk memahaminya lebih lanjut sila rujuk Syed Sajjad Husain (1994), *Civilization and Society*, Bangladesh: Bangladesh Institute of Islamic Thought, Dhaka, h. 279-282.

³¹ Sila rujuk Hasan Hamzah (penyusun) (1996), *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd., h. 336.

memanfaatkan etos kerja yang wujud dalam ajaran Islam³² dan sekaligus membudayakan kerja cemerlang dalam kehidupan sehari-hari.

Untuk memahami etos kerja dalam Islam sewajarnya kita bertolak dari kefahaman matang erti hidup yang merupakan suatu persaingan, kecemerlangan amal atau kerja.³³ Kehidupan ini wajar dipenuhi dengan amal soleh atau kerja yang baik sebagai pembuktian iman.³⁴ Justeru, setiap saat dari kehidupan dunia yang terbatas ini adalah amat berharga untuk dipenuhi dengan amal kerana ia penentu kejayaan dunia dan akhirat. Islam turut menekankan bahawa “bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esoknya”.

Oleh itu, seorang Muslim yang terdorong untuk berusaha kuat bukan kerana tekanan majikannya tetapi lebih digerakkan oleh motivasi dari dalam dirinya yang berupa tanggungjawab untuk melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah. Hasil pelaksanaan tanggungjawab tersebut adalah pengharapan terhadap keredhaan Allah yang akan hanya diperolehi seandainya dilaksanakan secara ikhlas dan sempurna. Apatah lagi setiap Muslim menyedari bahawa Allah melihat segala yang dilakukannya, ia akan memaksimumkan kemampuannya bagi mempastikan tugas-tugasnya berkualiti dan sekaligus menghasilkan produktiviti yang maksimum. Produktiviti ini mencakupi perkhidmatan dan hasil barang yang bermanfaat dan amat diutamakan oleh Islam. Justeru, Islam menekankan bahawa bekerja untuk mendapatkan hasil yang halal adalah suatu *jihād*.³⁵

Selain daripada itu, menurut Islam masyarakat Muslim hanya akan dapat memenuhi tanggungjawab keagamaannya dengan sempurna sekiranya ia mempunyai kemampuan ekonomi. Ini kerana melalui kesempurnaan ekonomi,

³² Siddiq Fadil, *op.cit*, h. 114.

³³ Sila rujuk surah *al-Mulk* ayat 2 “*ayyukum aḥsanu ‘amalā*” (siapa di antara kamu yang terbaik amalnya).

³⁴ al-Qur'an menyebut lebih daripada 70 ayat yang menggandingkan antara iman dan amal soleh yang meliputi segala kegiatan yang membawa kebaikan dunia dan akhirat, kerohanian dan material.

³⁵ *Jihād* di sini bukan dimaksudkan dengan pengertiannya yang sering difahami sebagai ‘perang atau perjuangan suci’ tetapi lebih luas lagi. *Jihād* ini memberi erti ‘kesungguhan yang maksimum untuk mendapatkan hasil kerja yang baik dan bermanfaat kepada semua’. *Jihād* ini turut mencakupi berbagai aspek kehidupan seperti bidang politik, ekonomi, pendidikan, masyarakat dan seumpamanya. Kupasan lanjut berhubung persoalan *jihād* bolch dirujuk kepada kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Jihad dari Perspektif Islam*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 12 Julai 2003, h. 1-35.

agihan zakat dapat dilaksanakan sebaiknya, pemberian sedekah, wakaf dan amal jariah dapat ditunaikan demi untuk membela golongan miskin. Apatah lagi dalam urusan dakwah dan *jihad* turut memerlukan pembiayaan yang besar yang akan hanya dapat dicapai melalui ekonomi yang mantap.³⁶

Sehubungan dengan itu, gerakan-gerakan keislaman yang mendukung aspirasi kebangkitan semula Islam tidak wajar membataskan programnya hanya dalam bidang kerohanian semata-mata tetapi harus mampu menggilap dan menyegarkan semula etos kerja Islam. Ia sekaligus wajar memiliki sikap positif terhadap pembangunan ekonomi. Adalah tidak wajar mempertentangkan wawasan pembangunan ekonomi dengan ‘wawasan akhirat’ seolah-olah kesejahteraan ekonomi dalam kehidupan dunia akan hanya mencelakakan kehidupan akhirat. Apa yang utama adalah penyertaan yang konstruktif dalam program pembangunan ekonomi agar ia dapat menciptakan kesejahteraan dunia yang melanjut hingga kepada kesejahteraan akhirat.³⁷

Oleh itu, dalam memenuhi persaingan dunia dagang hari ini, kualiti dan kecemerlangan merupakan syarat mutlak untuk survival atau kelangsungan hidup. Kualiti dan kecemerlangan merujuk kepada sejumlah ciri-ciri keunggulan. Kualiti sering ditakrifkan sebagai *character with respect to fineness or grade of excellence* (ciri keelokan dan tahap kecemerlangan) dan kecemerlangan sering dertiukkan sebagai *a high degree or the highest degree of good qualities* (tahap tinggi atau tahap tertinggi bagi kualiti yang baik).³⁸

Kualiti dan kecemerlangan ini tidak hanya ditentukan oleh teknik pengurusan tetapi lebih kepada sikap manusia terhadap pekerjaannya. Ini kerana manusia merupakan insan yang memiliki akal dan perasaan yang cukup canggih. Kerja yang cemerlang dan berkualiti ditentukan oleh tahap kecintaan individu terhadap pekerjaannya. Justeru, manusia memerlukan motivasi, ganjaran baik dan dorongan secukupnya untuk melaksanakan kerjanya dengan redha dan sempurna.

Untuk mencapainya, motivasi itu penting dicetuskan dari dalam diri individu dengan memanfaatkan nilai-nilai positif agama dan budaya anutannya. Ini kerana

³⁶ Untuk memahaminya lebih lanjut sila rujuk Muhammad Abdul Mannan (1995), “The Frontiers of Islamic Economics: Some Philosophical Underpinnings”, *Toward Islamization of Disciplines*, Herndon, U.S.A: The International Institute of Islamic Thought (IIIT), h. 295-316.

³⁷ Siddiq Fadil (1998), *op.cit*, h. 116-117.

³⁸ David J. Carver, Michael J. Wallace , John Cameron (1974), *Collins English Learner's Dictionary*, Great Britain; William Collins Sons & Co. Ltd, h. 412.

kemajuan perindustrian di negara-negara rantau ini mempunyai kaitan langsung dengan nilai-nilai agama selain daripada agama Islam seperti Konfusianisme dan Buddhisme. Barat turut mengorak langkah yang sama menerapkan etika Kristian dalam pengurusan dan perniagaan.³⁹ Ternyata agama masih tetap utuh dan relevan dengan kehidupan manusia selama-lamanya.

Sehubungan dengan itu, pastinya umat Islam akan mampu mencipta budaya kerja yang cemerlang dan berkualiti seandainya kita dapat memanfaatkan semangat dan nilai-nilai unggul agama dengan menyalurkannya ke dalam budaya kerja. Semangat kecemerlangan memang cukup menyerlah dalam pelbagai aspek ajaran Islam. Tuhan sendiri mengungkapkan diri-Nya dengan sifat-sifat *superlative* seperti *Aḥsanu al-khāliqīn* (Pencipta terbaik), *Aḥkāmu al-hākimīn* (Hakim yang menggunguli segala hakim), *Khayru' al-Rāziqīn* (Penganugerah rezeki terbaik). Islam pula diutuhkan dengan agama yang bersifat *ya'lū wa lā yu lā 'alayh* (agama yang unggul dan tidak ada yang mengunggulinya).⁴⁰

Hamba Tuhan pula disifatkan sebagai manusia yang berkualiti tinggi dan umat Islam sebagai *khayra ummah* dan para mukmin yang berjaya di sisi Tuhan adalah yang berkualiti takwanya. Justeru menyedari posisi manusia sebagai khalifah pasti setiap individu terdorong untuk menghayati sifat-sifat *superlative* ketuhanan. Sementelah pula, Islam melihat kerja sebagai suatu yang amat bernilai sama ada ia berjaya mencapai matlamat atau tidak, kerja itu sendiri tetap mempunyai nilai⁴¹ dengan kesedaran bahawa setiap kerja atau usaha itu akan diberikan pahala selagi ia ikhlas dan redha melaksanakannya. Ini kerana kerja dan usaha itu adalah ibadat. Perkara ini yang perlu diketahui oleh setiap individu khususnya dalam pewujudan Islam Hadhari, Bangsa Malaysia Hadhari.

PENUTUP

Berasaskan perbincangan tersebut, nyata bahawa Islam-Hadari mewarnai setiap aspek kehidupan manusia yang mendasari agama, budaya dan tamadun sebagai tunjang utama bagi menghadapi sebarang bentuk tujahan dan cabaran. Pemahaman dan pembudayaan agama dan budaya, pemahaman terhadap perlunya wujud rasa

³⁹ Untuk mengetahui bagaimana Barat akhirnya meletakkan agama sebagai falsafah kerjanya, sila rujuk Andrew D. White (1901), *A History of The Warfare of Science with Theology in Christendom*, Vol. I & Vol. II, New York: D Appleton and Company; Siddiq Fadil (1998), *op.cit*, h. 120.

⁴⁰ Siddiq Fadil, *ibid*.

⁴¹ *Ibid*, h. 121-122.

hormat dan kasih sayang kepada yang lain, pembinaan persahabatan secara ‘tempatan’ dan ‘antarabangsa’, sikap professional, rasional, berilmu pengetahuan yang tinggi, berakhhlak mulia dan bijak menggarap nilai-nilai sejagat dan universal yang baik akan melahirkan manusia yang unggul, cemerlang dan berkualiti. Ini akan menepati hasrat Islam-Hadari yang menerima secara terbuka pandangan baik dan nilai-nilai sejagat yang sempurna dalam mewarnai suasana masyarakat Malaysia yang beraneka agama, tamadun dan budaya.

Sungguhpun begitu, perlu kita sedari bahawa dalam era globalisasi ini, kita akan lebih terdedah kepada pengaruh-pengaruh budaya luar dan amat asing daripada budaya masyarakat Malaysia yang sedia kita kenali. Justeru, kita perlukan daya tahan yang mampan dan mampu membentengi keutuhan budaya kita. Bagaimanapun ini tidak seharusnya diertikan sebagai sikap menolak secara total segala yang bersifat asing. Apa yang utama adalah kemampuan bersikap kritis dan selektif atau kemampuan memilih dan memilah elemen-elemen mana yang serasi dan sesuai dan unsur-unsur mana yang bertentangan dengan budaya kita. Ini kerana kebudayaan Islam adalah kebudayaan yang akomodatif, punya keterbukaan yang cukup luas untuk menampung dan sekaligus mengintegrasikan unsur-unsur yang positif dari budaya asing.

Justeru, pewujudan Islam Hadhari adalah amat sesuai dilaksanakan di Malaysia yang beraneka tamadun, agama dan budaya kerana Islam dan kebudayaannya adalah amat professional dan terbuka. Pun begitu sekali lagi kita perlu bijak memilih dan memilah untuk mempastikan Islam Hadhari mampu diwujudkan dengan jayanya.

Bibliografi

- Abd Majid al-Najjar (1996), *Cara Hidup Beragama Pengertian dan Penerapannya*, Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought (IIIT), Malaysia.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afzalur Rahman (1981). *Quranic Science*, London: The Muslim School Trust London.
- Andrew D. White (1901), *A History of The Warfare of Science with Theology in Christendom*, Vol. I & Vol. II, New York: D Appleton and Company.
- David J. Carver, Michael J. Wallace , John Cameron (1974). *Collins English Learner's Dictionary*, Great Britain; Wiliam Collins Sons & Co. Ltd.
- Hassan al-Banna (1997), *Majmu'at Rasail al-Imam al-Shaheed*, Hassan al-Banna, Kareem Darwish (ed.), U.S.A, Herndon, Virginia: IIIT.
- Hasan Hamzah (penyusun) (1996), *Kamus Melayu Global*, Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Hashim Hj Musa (2004), *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban.
- Ibn Khaldun (1995), *Mukadimah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Budaya Kenal Mengenali Ke Arah Pembinaan Ummah", dalam Mohd Fauzi Hamat, et.al., (eds.), (2004), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam.
- Muhammad Abdul Mannan (1995), "The Frontiers of Islamic Economics: Some Philosophical Underpinnings", *Toward Islamization of Disciplines*, U.S.A, Herndon, Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Muhammad al-Faqi (1979), *Qisāṣ al-Anbiyā' Aḥḍathuhā wa 'Ibāruhā*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Isma'il Ibrahim (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā' a al-Rusul*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi.
- Osman Bakar (1996), "Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5.
- Seminar Kebangsaan Jihad dari Perspektif Islam, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 12 Julai 2003.
- Siddiq Fadil (1998), *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, cet. 1, Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Syed Sajjad Husain (1994), *Civilization and Society*, Bangladesh: Bangladesh Institute of Islamic Thought, Dhaka.
- Utusan Malaysia*, 24 Februari 2004, rencana "Fahami Isi al-Qur'an Elak Pemikiran diseleweng".